



Research **NEWS**

1/2024

Office of Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation)
Universiti Teknologi MARA

e ISSN 3030-5039



9 773030 503001

26 February 2024 UiTM kongsi ilmu inovasi roselle kepada komuniti

KOSMO

'Sembur pada anak tudung'

MINYAK wang disemburkan pada anak tudung dapat memastikannya bertahan lebih lama. Apabila suhu di bahagian kepala panas, bau atau aromanya akan meruap.

Pakar Kimia ini berkata dari situ kita tahu tempoh daya ketahanan pewangi. "Minyak wang juga boleh disembur pada sejadah untuk melihat ketahanan aromanya. "Sebaiknya kita kena tahu jenis pewangi atau aroma yang diinginkan. Elakkan campur penggunaan minyak wang daripada jenama berbeza pada satu-satu masa," katanya.

Tambah Mohd. Azri, apabila membeli minyak wang, sebaiknya jangan terus beli terutama minyak wang, yang tidak pernah digunakan sebelum ini. "Ini kerana setiap pewangi ada tahap bau-baunya atau bau paling atas (*topnote*), pertengahan (*middle*) dan bau asas (*base*). "Bila pergi ke dalam minyak wang, kita akan menghidu bau yang pertama itu. Bau itu tidak akan kekal lama. Selepas beberapa jam, barulah akan keluar bau pertengahannya. Tidak lama selepas itu, barulah keluar bau yang asas.

"Bau yang pertama, kita akan suka bau itu saja dan bau yang kedua pula, kita mungkin tidak suka. Ini menyebabkan minyak wang yang dibeli akhirnya jarang dipakai kerana tidak sesuai dengan keinginan kita," katanya.

Nasihatnya sebelum membeli minyak wang, sebaiknya sembur dulu ke lengan dan kemudian berjalan-jalan dulu ke tempat lain sekurang-kurangnya selama dua jam.

Dalam tempoh itu, bau yang kedua akan keluar diikuti yang ketiga. Cara ini menentukan sama ada haruman dihasilkan sesuai dengan diri atau sebaliknya.

Justeru katanya, minyak wang biasanya mempunyai aroma awal atau *top note* yang cantik untuk memikat pembeli. Ini kerana aroma *top note* yang mula-mula keluar dulu selepas disemburkan.

"Proses ini berlaku kerana terdapat beberapa campuran kimia di dalam satu botol pewangi, yang setiap satunya ada beratnya tersendiri. Bau lemon ada



HINGGA kini ada 700 aroma dihasilkan di makmal Dr. Azri, UiTM Shah Alam.

MOHD. AZRI AB. RANI

- **Usia:** 39 Tahun
- **Asal:** Felda Keratong 2, Pahang
- **Kerjaya:** Pensyarah Kanan, Penyelidik, Pengasas Dr. Azri's Perfume dan Attil, Memanah UiTM
- **Pencapaian:**
 1. Anugerah Emas di IDEX 2023
 2. Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk (Anugerah tertinggi di peringkat UiTM yang diklasifikasikan bagi mengiktirafkan akademik universiti yang mengharumkan nama UiTM dalam pelbagai bidang (Itm))
 3. *Platinum Award, Patent International Invention, Innovation and Design 2023* (produk : Lilin wang dan minyak masak terpakai)

beratnya, bau bunga ada beratnya.

"Jadi, aroma yang paling ringan beratnya akan keluar dulu sebagai *top note*, diikuti oleh aroma hasil campuran kimia yang seterusnya sehingga bau terakhir," jelasnya yang menguak minat dengan minyak wang sejak kecil.

Mohd. Azri berkata, selepas menghasilkan tujuh jenis pewangi, penyelidikan dalam minyak wang akan diteruskan bagi menghasilkan pelbagai produk berasaskan wangian

seperti lilin wang. Lilin wang menggunakan minyak masak terpakai menghasilkan aroma berasaskan lemon yang menyebarkan dan bau keuk yang manis.

Malah sejak setahun lalu, beliau turut berjasama dengan Felda (FGV) untuk menghasilkan sabun mandi dan pencuci pinggan menggunakan minyak kelapa sawit.

"Tahun ini pelajar juga bermintak untuk menghasilkan pupu wajah (*facemask*) menggunakan lidah buaya atau aloe vera dan madu yang turut akan dikomersialkan.

Imam saya mahu melihat gabungan penyelidikan akademik dan industri dalam satu kawasan. Sebagai contoh, di kilang berhampiran makmal penyelidikan seperti masa saya belajar di Australia dulu," katanya.

Di mata Mohd. Azri, minyak wang adalah pelengkap diri. Walaupun sudah bersiap cantik tetapi tanpa pewangi seperti tidak lengkap penampilan.

"Haruman lambangkan keperibadian. *Angel* umpamanya, digemari orang yang suka bau menyebarkan. "Ada orang mahu aroma yang tidak terlalu menonjol tetapi ada juga yang suka bau minyak wang yang tertinggi di belakang apabila berjalan. Mereka mahukan sesuatu wangian itu menjadi identiti diri mereka," katanya.

Oleh ABUL RAZAK IDRIS

BUAH roselle amat signifikan dengan warna merah dan mempunyai pelbagai khasiat keihatan. Roselle kaya dengan vitamin C dan antioksidan yang terbukti secara saintifik mampu meningkatkan daya tahan tubuh, membantu pencernaan, menurunkan tekanan darah serta melancarkan pengaliran darah.

Pokok roselle amat mudah untuk tumbuh pada suhu panas dan kering. Menyedari hakikat itu, Sekolah Kebangsaan Bukit Kemuning (2 SKBK2), Shah Alam, Selangor telah mengambil inisiatif untuk menanam kira-kira 2000 pokok roselle.

Pokok berkenaan ditanam di kawasan sekolah untuk menyemai budaya cintakan alam sekitar dan memupuk disiplin pelajar.

Melihat kepada potensi pengkomersialan produk berasaskan roselle, Pensyarah Kanan Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Ts. Dr. Aida Pirkanan MN Azmi telah mengambil inisiatif berkolaborasi bersama pihak SKBK2 bagi mewujudkan Roselle Valley Edu-Eco-Agro Tourism.

Menurut Aida, program tersebut selari dengan matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Program Service Learning-University For Society (SULAM) yang diwujudkan. "Secaral 17 pelajar semester empat dan lima (Izrah Sarjana Muda Sains (Kejipanan) Sains dan Teknologi Makanan, Fakhri Sains Gusman (UiTM) telah menjalankan program kesukarelawanan di SKBK2 pada 10 Januari lalu.

"Di hadapan dengan kerjasama strategik daripada Universitas Andalas, Padang, Indonesia dan Universitas Marwadea di Bali, PILLIP Sdn. Bhd. serta Pertubuhan Amal Amanah Care yang turut menyumbangkan keperluan masak pada hari tersebut," katanya.

Tambahan, kewujudan Roselle Valley bertujuan memperkatakan masyarakat setempat menerusi inovasi makanan dan bukan makanan berasaskan roselle. Ujarnya, ia secara tidak langsung memeraliskan sebuah tempat pelancongan berasaskan edu-

UiTM kongsi ilmu inovasi roselle kepada komuniti



SEBAGIAN pelajar UiTM dan rakan kolaborasi yang terlibat dalam menjayakan program kesukarelawanan di SKBK2, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

(pendidikan), eco (alam sekitar) dan agrotourism (pelancongan pertanian) di SKBK2. Mengulas lanjut, Aida berkata, para pelajar UiTM dan rakan kolaborasi bertindak sebagai pemangkin dan membukakan minda ilmu pengetahuan yang dipelajari berkaitan proses pembuatan makanan serta bukan makanan berasaskan roselle. "ia bagi membekalkan para pelajar SKBK2, ibu bapd dan masyarakat

setempat mengetahui trend terkini dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan sebarisan.

"Ilmu yang dikongsi ini boleh juga dimanfaatkan bagi tujuan penjarangan pendapatan," katanya.

Pada hari tersebut, enam jenis menu pameran disediakan oleh para pelajar UiTM yang menyasarkan tentang perkongsian ilmu berkaitan roselle serta ilmu berkaitan sains dan teknologi makanan.

"Antara pameran yang diadakan adalah berkaitan dengan eksplorasi deria rasa, aplikasi aditif pewarna makanan, pembuatan coklat, pengawetan makanan melalui kaedah perkuatan, pembangunan vakum serta pengeringan dan pembekuan," jelasnya.

Selain itu, para pelajar, ibu bapa dan guru diajar mengenai cara pembuatan mi roselle daripada awal hingga akhir. Tambah menarik, pameran berkaitan roselle dan inovasi produk berasaskan buah itu turut diadakan.

Antara fakta menarik yang telah dibentangkan termasuk khasiat dan kebaikan roselle, asal-usul pokok roselle dan inovasi produk berasaskan roselle. Aida menjelaskan, kerjasama tersebut akan diteruskan sehingga ke peringkat pengkomersialan produk berasaskan roselle dan pembangunan Roselle Valley seperti diharapkan.

Di samping itu, pihaknya juga berharap ilmu dan pengetahuan yang disampaikan dapat membantu masyarakat memajukan perdagangan serta mengubah kehidupan mereka.

Pensyarah temui gam minyak wang tahan lama



MOHD. AZRI dan pelajar, Almar Azli menyediakan gam untuk minyak wang di makmalnya.

TERLAIN awal penyelidikan beliau mengenai gam minyak wang telah menghasilkan 1000 jenis gam untuk pasaran tempatan. Campuran beberapa bahan kimia, seperti alkohol, minyak esensial, dan bahan-bahan lain yang digunakan untuk menghasilkan gam minyak wang ini.

"Mula-mula membuat percubaan awal untuk melihat apa yang berlaku apabila bahan-bahan tersebut dicampurkan. Dari situ, timbul idea untuk membuat gam minyak wang yang tahan lama dengan menggunakan teknik pengeringan. Gam ini dapat bertahan hingga beberapa bulan," katanya.

Almar Azli berkata, gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah. Gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah.

"Kami perlu pastikan apa yang dihasilkan di makmal, sama dengan yang dikeluarkan oleh kilang untuk keluaran berskala besar." Beliau menjelaskan, gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah. Gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah.

Beliau menjelaskan, gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah. Gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah.

Beliau menjelaskan, gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah. Gam ini dihasilkan dengan menggunakan teknik pengeringan yang melibatkan penggunaan suhu rendah dan tekanan rendah.

21 February 2024 Pensyarah temui gam minyak wang tahan lama Sembur pada anak tudung

21 February 2024 Pensyarah temui gam minyak wang tahan lama Sembur pada anak tudung

UTUSAN | <https://shorturl.at/zBHS>